

1 Julai, 1981

Pemimpin2 parti komponen BN akan digesa sokong Mahathir

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

KUALA LUMPUR. Belasa — Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dijangka menggesa pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional memberi sokongan yang penuh kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed apabila beliau mengambil alih tugas sebagai Pengerusi Barisan Nasional di mesyuarat Majlis Tertinggi BN 15 Julai depan.

Menyatakan demikian hari ini, sumber-sumber yang boleh dipercayai dari Ibupejabat Barisan Nasional berkata, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional akan membuat gesaan di mesyuarat luarbiasa yang akan diadakan di Sri Taman di sini pada pukul 4.30 petang.

Sumber-Sumber itu berkata, Datuk Hussein dijangka menyerahkan jawatan Pengerusi Barisan Nasional kepada Datuk Seri Dr. Mahathir di mesyuarat tersebut.

Penyerahan itu dibuat memandangkan amalan tradisi Perdana Menteri secara automatik menjadi pengerusi Barisan Nasional.

Allahyarham Tun Abdul Razak adalah juga Pengerusi Barisan Nasional semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

Sumber-Sumber itu berkata, surat pekeliling kepada 33 wakil parti-parti komponen dalam Barisan Nasional telah diedarkan hari ini.

Kesebelas parti-parti komponen itu ialah UMNO, MCA, MIC, Gerakan, PBB, PPP, USNO, Berjaya, Berjasa, SUPP dan SNAP.

Surat pekeliling itu yang diedarkan hari ini menaifatkan mesyuarat itu 'sangat penting'.

Sumber-Sumber itu menyatakan, mesyuarat khas tidak mempunyai agenda tetapi akan di lai dengan ucapan Datuk Hussein kepada para pemimpin Barisan Nasional.

Datuk Hussein akan meletakkan jawatan secara rasmi sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai dan akan diambillah oleh Datuk Seri Dr. Mahathir.

Datuk Hussein dijangka akan memengerusikan tiga mesyuarat pada hari yang sama.

Beliau akan juga memengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan Mesyuarat Kabinet di awal hari tersebut.